

Gabung ladang peneroka Felda

Usaha kerajaan bagi memastikan ladang diurus dengan lebih baik dan tersusun

AIMAN SADIQ ABDULLAH

ROMPIN

Kerajaan bakal melakukannya penggabungan ladang-ladang peneroka Felda di seluruh negara bagi memastikan ia dapat diuruskan oleh pakar-pakar dalam bidang pengurusan perladangan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan itu juga akan diuruskan oleh pakar-pakar dalam bidang pengurusan perladangan.

Menurutnya, pelbagai jenis tanaman juga akan dilaksanakan hasil penggabungan itu agar peneroka tidak bergantung kepada hasil kelapa sawit serta getah semata-mata.

"Kalau kita mempunyai ladang besar, tanah tersebut boleh ditanam dengan buah atau sayur-sayuran yang memiliki permintaan besar di negara ini."

"Apabila harga kelapa sawit dan getah jatuh, kita masih merpercayai pendapatan dari ripida tanaman lain ini. De-



Dr Mahathir (tengah) bersama pemenang Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF) pada majlis Sambutan Hari Peneroka Felda 2019 bertemakan 'Peneroka Mandiri, Felda Lestari' di Felda Selancar 3, Rompin semalam.

ngan itu tak perlulah subsidi daripada kerajaan apabila harga komoditi jatuh, sebaliknya dengan menjual tanaman selingan ini kita dapat menara hidup sendiri," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis Sambutan Hari Peneroka Felda 2019 bertemakan 'Peneroka Mandiri, Felda Lestari' di Felda Selancar 3 di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, pihaknya yang jika penggabungan itu berjaya dilaksanakan, peneroka dapat menuai lebih banyak hasil di samping me-

ningkatkan sumber pendapatan mereka.

Menurutnya, pihaknya kini sedang mencari peneroka yang bersertai dengan cadangan tersebut dan berkecimpungkan projek itu akan mencapai kira-kira 800 hektar tanah selepas digabungkan.

"Mungkin 80 hektar akan digunakan untuk tanaman selain sawit dan getah. Lebih

menarik keuntungan yang peneroka akan dapat bergantung kepada saiz tanah yang mereka cakum. Lagi besar lagi untung mereka."

"Selain itu, untungnya penggabungan ini kalau dia suka bekerja, dia boleh uruskan ladang (penggabungan) tersebut namun jika dia tidak mahu dia boleh ambil keu-

tungan atas penggabungan ladang mereka," katanya.

Mengulas mengenai jenis tanaman yang sesuai untuk model baharu Felda itu, Dr Mahathir berkata, pengurusan Felda akan berbinang dan mendapatkan nasihat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dahulu.

Terdahulu, semasa ber-

cap di hadapan ribuan peneroka Felda di Felda Selancar 3, Dr. Mahathir berkata, pengurusan Felda perlu disusun semula supaya agensi itu ditadbir golongan profesional seperti yang diamalkan pengurusan ladang estet ber-skala besar.

"Kita lihat bagaimana ladang ini memberikan pendapatan yang baik apabila diuruskan dengan baik. Bagaimanapun, kita dapatapi pada masa akhir-akhir ini berlaku perbuatan tidak menguntungkan Felda sama sekali.

"Sekarang ini, kita memanggung hutang yang banyak kerana banyak urusan yang dibuat (sebelum ini) telah menyeleweng," katanya.

Dr Mahathir berkata, Felda membuka tanah lebih 404,685 hektar, yang merupakan antara kawasan perdagangan terbesar di dunia, ramainya masih tidak mampu untuk memberi pendapatan tinggi kepada peneroka berikutnya pengurusannya yang berbeza dengan cara pengurusan estet besar.

Sehubungan itu, Dr Ma-

hathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk membezirri pendapatan lebih baik kepada peneroka, menerusi rancangan kegunaan tanah lebih luas untuk memberi hasil lebih baik dengan tanaman yang pelbagai.

Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM637 juta bagi pelaksanaan tiga projek di Pahang iaitu Tangki Imbasan berkapasiti 106 juta liter sehari (ILH) di kawasan perindustrian Gebeng bernilai RM173 juta dan Loji Rawatan Air Sermambu Fase 3 berkapasiti 145 ILH (RM446 juta) kedua-duanya di Kuantan serta projek mengatasi masalah gangguan bekalan air bersih di Raub (RM18 juta).